

**SISTEM MAKLUMAT TANAH;
KAJIAN UMUM MENGENAI ASPEK PERLAKSANAAN DI
SEMENANJUNG MALAYSIA.**

Disampaikan kepada Jabatan Ukur Tanah sebagai memenuhi salah satu syarat penganugerahan Diploma Lanjutan Ukur Tanah daripada Institut Teknologi MARA.

OLEH

MOHAMAD SAUFI BIN NOOR
DIPLOMA UKUR TANAH (U.T.M)

JABATAN UKUR TANAH
KAJIAN KEJURUTERAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAH
SELANGOR D.E.

NOVEMBER 1990

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta hidayahNya memberikan petunjuk dan ilham keatas penulis untuk menyiapkan tesis ini.

Disini penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Hj. Dr. Noordin Bin Ahmad diatas bimbingan pendapat , serta nasihat yang berguna didalam menjayakan projek tesis ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Hamid b. Mohamed (UTM), Encik Ahmad Rodzi b. Mahmud (UPM), Tuan Syed Illias b. Syed Hashim dan juga Encik Zoher Noman Kambathy di atas kerjasama mereka bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Ahhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada semua kakitangan Jabatan Ukur Tanah ITM diatas kerjasama yang telah diberikan.

ABSTRAK

Selaras dengan perkembangan teknologi masa kini, pelbagai agensi yang berurusan dengan maklumat tanah telah mula menggunakan sistem maklumat tanah. Walau pun begitu, penggunaan sistem tersebut adalah terhad di kalangan agensi-agensi tertentu sahaja.

Bagi memenuhi matlamat projek ini, sejumlah data-data telah diperolehi dari pelbagai agensi yang terbabit untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang perkembangan didalam penggunaan sistem dan juga permasalahan masa kini.

Berdasarkan analisis, suatu pelunjuran telah dibuat berhubung dengan sistem, perundangan, tahap penggunaan sistem, perkhidmatan yang ditawarkan, kos dan juga kepakaran.

Secara umumnya sistem yang sedang digunakan sekarang masih berbentuk ' Isolated System '. Peringkat pelaksanaan awal sistem maklumat tanah adalah tertumpu di kalangan agensi kerajaan dan juga badan-badan berkanun. Kemahiran didalam pengendalian sistem, kadar kos yang tinggi, dan juga perundangan adalah di antara faktor yang menghalang penggunaan sistem maklumat secara meluas di Semenanjung Malaysia.

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pengenalan	
	1.1 PENDAHULUAN	1
	1.2 SISTEM MAKLUMAT TANAH DAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI.....	2
	1.3 KONSEP SISTEM MAKLUMAT TANAH.....	4
	1.4 OBJEKTIF PROJEK	7
2	Perkembangan Sistem Maklumat Tanah	
	2.1 PENDAHULUAN.....	8
	2.2 PERKEMBANGAN SISTEM MAKLUMAT TANAH DI LUAR NEGERI.....	8
	2.3 PERKEMBANGAN KEARAH SISTEM MAKLUMAT TANAH DI MALAYSIA.....	12
	2.4 PENGKOMPUTERAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN DENGAN TANAH.....	13

BAB PERTAMA

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Disebabkan sistem maklumat tanah adalah berkait rapat dengan peta dan komputer, maka ia selalu dikelirukan dengan sistem pemetaan bantuan komputer. Keadaan menjadi bertambah buruk lagi bila terdapat sistem pemetaan bantuan komputer menempelkan nama sistem maklumat tanah, padahal ia tidak langsung melambangkan kefungsiannya sistem maklumat tanah sebenar. Sistem maklumat memodel dunia benar. Pengguna sistem maklumat beranggapan mereka akan mendapat maklumat yang sama, samada merujuk kepada sesuatu sistem maklumat atau mencerap sendiri maklumat tersebut dari dunia benar. Didalam metametik, konsep ini dipanggil konsep HOMOMORFISMA (Gill, 1976). Sistem maklumat mestilah konsisten dan tidak berlawanan. Ini dimaksudkan dengan fakta tunggal yang dilaporkan serta undang-undang yang diterima dari dunia benar. Sistem maklumat terbahagi kepada dua jenis, iaitu sistem maklumat ruang dan sistem maklumat takruang, bergantung kepada ciri-ciri objek yang dimodelkan. Contoh pernyataan ruang ialah kedudukan sesuatu objek didalam sesuatu sistem koordinat, keluasan, bandar kediaman dan sebagainya.